

Soros tuntutan Mahathir

WASHINGTON 4 Dis. — Spekulator, George Soros semalam menuntut supaya Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad disingkirkan dan bekas timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim dibebaskan.

Soros berkata, rakyat Malaysia patut menentang Mahathir kerana dasar-dasar beliau bertujuan mengekalkan kedudukannya

dan memanfaatkan sekutu-sekutu politiknya.

“Beliau sebenarnya melakukan tindakan yang betul untuk dirinya sendiri kerana dia mahu mengekalkan kuasanya dan dia meletakkan dirinya dalam kedudukan untuk menyelamatkan kroninya yang mengalami masalah kewangan termasuk anak lelakinya.

“Jadi saya fikir, apa yang

perlu berlaku ialah beliau perlu disingkirkan,” kata Soros di hadapan hadirin yang memenuhi dewan di Universiti Johns Hopkins di Washington.

Soros, pengerusi Soros Fund Management dan penasihat kepada Quantum Fund, berpendapat bahawa kawalan modal yang dikenakan oleh Malaysia akan memburukkan lagi krisis kewangan negara ini.

27
Mahathir telah menuduh Soros dan spekulator asing lainnya menyerang ringgit dan mencetuskan kejatuhan ekonomi terburuk negara dalam tempoh puluhan tahun.

Bagaimanapun, Soros berkata, Mahathir memilih beliau untuk dipersalahkan atas sebab politik.

“Saya tidak berapa kenal namanya,” kata Soros mengenai Mahathir. “Dia

disingkir, Anwar dibebaskan

benar-benar mencipta saya (untuk dipersalahkan). Dia memerlukan saya untuk tujuan politiknya, jadi saya adalah cetusan imajinasinya.”

“Saya berharap Anwar akan dibebaskan. Kalau dia dipenjarakan, rakyat akan menentang Mahathir,” kata Soros apabila ditanya siapa yang patut menggantikan Dr. Mahathir.

Soros dijemput berucap di Universiti Johns Hopkins mengenai buku barunya, *The Crisis of Global Capitalism* tetapi beliau diminta mengulas mengenai keadaan ekonomi di serata dunia.

Soros mempertahankan peranannya sebagai tokoh kewangan global dan penggerak pasaran.

“Pasaran tidak bermoral, dan saya bukan orang yang

berdosa,” kata Soros, walaupun spekulasi beliau telah menyumbang kepada kejatuhan mata wang pound Britain pada September 1992.

Selain Malaysia, Soros mengkritik kerajaan baru Rusia, dengan memberi amaran bahawa situasi di negara itu “tidak terkawal lagi” dan tidak banyak yang dapat dilakukan oleh dunia luar.

Beliau turut menuduh Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) menjadi sebahagian daripada masalah yang melanda sistem kewangan dunia.

Dengan nada lebih optimis, Soros berkata, pemulihan pasaran kewangan baru-baru ini telah mengurangkan kemungkinan berlakunya kemelesetan di seluruh dunia. — Reuters